

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT
[LUBOK ANTU]**

TARIKH : 11 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini projek penyelenggaraan sebuah sekolah di kawasan Ulu Engkari iaitu Sekolah Kebangsaan Nanga Tibu. Pada tahun 2019 peruntukan untuk pelaksanaan projek ini telah diluluskan dan jika mengikut perancangan asal projek ini akan dimulakan pada tahun 2021, adakah projek ini ditangguhkan atau telah dibatalkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), tiada peruntukan diluluskan untuk penyelenggaraan bangunan sekolah di Sekolah Kebangsaan Nanga Tibu pada tahun 2019. Walau bagaimanapun, KPM ada menyelenggara asrama di sekolah berkenaan dengan kos sebanyak RM20,000 dan telah siap pada bulan Ogos 2019.

Pada tahun 2020, sebanyak RM200,000 telah diperuntukkan untuk penyelenggaraan bilik darjah di sekolah berkenaan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi 2020. Namun begitu, projek penyelenggaraan bilik darjah ini tidak sempat dilaksanakan akibat pandemik COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan. Projek penyelenggaraan ini akan dilaksanakan pada awal tahun 2022.

Manakala, untuk tahun 2021, KPM dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak telah memulakan proses perolehan bagi kerja pendawaian semula elektrik dengan kos sebanyak RM250,000 untuk sekolah tersebut. Kerja ini akan bermula pada bulan November 2021 dan dijangka siap pada bulan Mac 2022.